



Newsletter
Percuma >



Masuk

Isnin | 25 September
2023



Sinar Islam Plus |

PRU

Sinar Premium

Sinar Daily

SinarPlus

Sinar Bestari |

BERITA > Nasional

Nor Yati Ahmad dilantik Akauntan Negara baharu

18 September 2023 03:52pm Masa membaca: 2 minit



Nor Yati

News Hub

A- A A+



dilantik sebagai Akauntan Negara yang baharu berkuat kuasa pada Isnin.

Pelantikan Nor Yati itu diumumkan Jabatan Akauntan Negara dalam kenyataan pada Isnin bagi menggantikan Datuk Dr Yacob Mustafa yang tamat kontrak perkhidmatan pada 2 Ogos lepas.

"Jabatan Akauntan Negara ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada kerajaan atas kepercayaan yang diberikan kepada Nor Yati bagi menggalas tugas dan amanah sebagai Akauntan Negara," menurut kenyataan itu.

Surat pelantikan Nor Yati sebagai Akauntan Negara disampaikan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Dr Zulkapli Mohamed di Jabatan Perkhidmatan Awam di sini pada Isnin.

Nor Yati yang mempunyai kelulusan Master Of Accountancy And Finance dari University Of Adelaide, Australia dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), mula menyertai sektor awam pada 1995 sebagai Akauntan di Jabatan Akauntan Negara cawangan Kuala Lumpur.

Sebelum dilantik sebagai Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Nor Yati berkhidmat di Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA) Jabatan Akauntan Negara sejak 2011 dan dilantik sebagai pengarahnya pada 2018.



PPPA bertanggungjawab dalam transformasi daripada perakaunan asas tunai ubah suai kepada perakaunan asas akruan sektor awam selaras dengan yang digariskan dalam Model Ekonomi Baharu 2010 yang antaranya membantu meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan khususnya dalam Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan sektor awam amnya. - Bernama

Artikel Berkaitan:

- [Almalena dilantik sebagai Peguam Cara Negara, Suzana Peguam Cara II](#)
- [Dr Mohammad dilantik Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang](#)
- [Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 berkuat kuasa esok](#)